

**Perdana menteri gembira, tetapi negara bersedih**  
**Malaysian Insider**  
**Jun 18, 2014**

Di Seri Perdana tinggal seorang lelaki yang semakin gembira dan puas.

Tidak kiralah negara sedang menyaksikan tanda awal keadaan huru-hara. Tidak kiralah penguatkuasa agama Islam kelihatan menetapkan agenda untuk negara berbilang kaum dan sekular ini, mengugut untuk lakukan seperti Boko Haram di Nigeria: memusnahkan Bible. Tidak kiralah Malaysia berubah arah dengan begitu jauh sehinggakan pembela paling setia hilang kepercayaan... terhadap segala-galanya.

Dalam wilayah kecil dan tenang di Seri Perdana, semuanya berjalan lancar, menurut mereka yang bercakap dengan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak baru-baru ini dan beberapa penasihatnya. Beliau tidak lagi memegang watak "lelaki mati" seperti selepas Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) lalu - hidup dalam ketakutan akibat kegagalannya dan berdepan dengan Tun Dr Mahathir Mohamad yang mahu menyingkirnya.

Mengapa Najib gembira? Perdana menteri dan rakan dekatnya percaya:

\* Penentangan dalam Umno untuk jawatan tertinggi negara itu gagal apabila, Tan Sri Muhyiddin Yassin tidak berminat untuk melakukannya dan Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi tidak mahu digunakan oleh Dr Mahathir, lelaki yang memecatnya daripada Umno dan menahannya mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Jadi, oleh kerana tiada siapa yang berani dalam Umno, Najib akan kekal sebagai presiden parti dan perdana menteri walaupun lemah dan tidak berpendirian.

\* Penentangan terhadap percubaan Sultan Johor untuk mendapatkan kuasa eksekutif menunjukkan beliau sebagai seorang pemimpin yang berpendirian dan PM mendapat sokongan dari seluruh negara.

Putrajaya percaya majoriti Melayu dan rakyat Malaysia mahu keluarga Diraja berkelakuan baik dan rindu kepada cara Dr Mahathir mendisiplinkan dan mengawal mereka daripada mendapatkan kuasa dan projek.

Oleh kerana Sultan Johor terkepung dalam isu ini, Najib percaya kerajaan pimpinannya mendapat sedikit markah dan imej beliau sebagai seorang pemimpin lemah dan tidak berpendirian akan pulih.

\* Perdana menteri tidak tercalar dengan debat kronisme dimulakan Tan Sri Francis Yeoh daripada YTL beberapa minggu lalu.

Dalam majlis Bual Bicara Global Siri Malaysia kali ketujuh anjuran Pemandu, ahli perniagaan itu dilaporkan berkata, 85% daripada perniagaan YTL adalah di Britain, Singapura dan Australia kerana negara itu tidak betoleransi kepada rasuah, mengamalkan meritokrasi dan mempertahankan undang-undang.

"Sebagai contoh di Singapura, kami memiliki satu pertiga daripada elektrik Singapura; tiada apa-apa jenis subsidi, tiada apa-apa jenis kronisme.

"Yang terbaik tentang tiga negara ini, saya tidak perlu tunduk kepada perdana menteri sebelum saya cuba mendapatkan projek, saya juga tidak perlu berjumpa mereka, walaupun selepas mendapat sesuatu projek," beliau dilaporkan berkata sedemikian.

Yeoh kemudiannya menjelaskan kenyataan beliau disalah tafsir dan kemudiannya memohon maaf tetapi terlambat kerana sudah diserang menerusi media, ahli politik Umno dan Dr Mahathir.

Kumpulan Najib percaya debat tentang kronisme ini akan menjarakkan Yeoh daripada perdana menteri kerana beliau dikenali sebagai orang yang mendapat manfaat daripada era Dr Mahathir.

\* Kemenangan Pilihan Raya Kecil (PRK) Teluk Intan mencadangkan hari yang buruk sudah berakhir bagi Barisan Nasional (BN).

Sekurang-kurangnya di Putrajaya, mereka merasakan semuanya dalam keadaan baik.

Lelaki ini dan penasihatnya kelihatan tidak berpijak di bumi nyata. Beliau mungkin selamat daripada dicabar dalam Umno tetapi negara sedang berada dalam kemusnahan. Lebih parah lagi, negara seperti tidak mempunyai pemimpin.

Keputusan mahkamah tidak lagi dipedulikan. Arahan peguam negara dipertikaikan oleh penguatkuasa agama. Setiap hari terdapat ancaman satu kumpulan kepada kumpulan rakyat Malaysia yang lain.

Rakyat Malaysia Timur sudah penat. Tersepit di antara semua tindakan yang tidak pernah berlaku sebelum ini.

Tidak hairanlah tinjauan terbaru menunjukkan peratusan besar rakyat Malaysia merasakan negara berada di arah yang salah.

Peratus sokongan terhadap perdana menteri hanya berada pada tahap 50 peratus.

Tetapi penghuni Seri Perdana tetap percaya keadaan bertambah baik. Malam tadi beliau mengeluarkan kenyataan tentang Bible berbahasa Melayu dan Iban yang dirampas sejak 2 Januari lalu.

Najib menggesa semua orang menghormati keputusan Tan Sri Abdul Gani Patail untuk tidak mendakwa Persatuan Bible Malaysia (PBM) kerana menyimpan kitab tersebut.

Beliau juga menggesa Majlis Agama Islam Selangor (Mais) berunding dengan peguam negara, beliau perlu mengkaji semula keputusannya dalam isu rampasan kitab Bible oleh Jabatan Agama Islam Selangor (Jais).

Itulah yang beliau katakan tanpa menyatakan apa pendiriannya dalam isu ini.

Fakta mudahnya adalah, kita mempunyai perdana menteri yang lemah; cuma sekali-sekala memainkan peranannya. – 18 Jun, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/perdana-menteri-gembira-tetapi-negara-bersedih>